

# Siri jelajah pameran pendidikan UMS

NST 23-02-2012 4

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Bahagian Perhubungan Korporat dengan kerjasama Bahagian Perkhidmatan Akademik sekali lagi mengadakan siri jelajah pameran pendidikan yang diadakan di daerah-daerah seluruh Sabah sehingga awal April depan.

Program itu yang dikenali sebagai program Roadshow UMS terbahagi kepada tiga zon yang dijalankan serentak dan secara berperingkat-peringkat.

Pameran berkenaan akan dimulakan dari jam 8.30 pagi sehingga jam 4 petang di sekolah-sekolah terpilih di setiap daerah.

Hari ini (23 Februari 2012) pameran diadakan di SMK Pengiran Omar, Sipitang, disusuli dengan SMK Teknik Keningau (28 Februari), SMK Tenom (29 Februari), SJK Ching Hwa Tawau (28-29

Februari) dan SMK Agama Tun Sakaran Semporna (29 Februari).

Siri Jelajah Pameran pendidikan UMS kemudiannya ber kunjung ke SM Sains Lahad Datu (2 Mac), SMK Agama Sandakan (5-6 Mac), SMK Mat Salleh Ranau (6 Mac), SMK Telupid (8 Mac), SMK Badin Tuaran (8 Mac) dan SMK Labuan (8-9 Mac).

Jelajah pameran ini akan bertandang ke SMK Arshad Kota Belud (20 Mac), SMK Kota Marudu (21 Mac) dan SMK Kudat (22 Mac). Kemuncak Siri Jelajah Pameran UMS 2012 ini akan diadakan di Kompleks Suria Sabah pada 31 Mac dan 1 April 2012. Terdahulu, UMS telah berkunjung ke daerah Papar dan Beaufort sebagai destinasi pertamanya pada tahun ini.

Pameran yang lebih mem-

fokuskan kepada golongan pelajar ini antara lain bertujuan sebagai Pusat Sehenti (One Stop Centre) bermaklumat bagi memberi informasi mengenai peluang pendidikan tinggi dan kemudahan-kemudahan yang ditawarkan di UMS.

Selain itu, ia juga bagi mendidik dan memupuk kesedaran di kalangan pemohon dan masyarakat awam mengenai pelaksanaan permohonan kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) melalui aplikasi dalam talian.

Program berkenaan turut disertai oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni serta Sekolah-Sekolah Pengajian yang terdapat di UMS.

Sehubungan itu, orang ramai khususnya para pelajar dan ibu bapa dijemput hadir bagi menjayakan lagi program berkenaan.